

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 08 Tahun 2020

PEKELILING PELAKSANAAN PENYAMPAIAN DAN PENILAIAN PEMBELAJARAN TERMASUK KOKURIKULUM BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan Pelaksanaan Penyampaian Dan Penilaian Pembelajaran Termasuk Kokurikulum Berikutan Penularan Wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan di Universiti Teknologi MARA.

2.0 LATAR BELAKANG

Pekeliling ini merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri dan FAQ KPT (yang dikeluarkan pada 18 Mac 2020) mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara.

Pekeliling ini juga merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bil6/2020 dan Bil 7/2020, mengenai penangguhan sesi perkuliahan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020 dan diteruskan Cuti Pertengahan Semester sehingga 12 April 2020, Kalendar Akademik Sesi II 2019/2020 dirangka semula dan telah dikeluarkan pada 20 Mac 2020. Sila rujuk kalendar terkini di laman sesawang Hal Ehwal Akademik (HEA).

Justeru itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 23 Mac 2020 telah memutuskan pelaksanaan Pelaksanaan Penyampaian dan Penilaian Pembelajaran bagi staf akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM).

3.0 PELAKSANAAN

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Bil 1 2020: Pelaksanaan Penyampaian Dan Penilaian Pembelajaran Berikutan Penularan Wabak COVID-19 Dan Perintah Kawalan Pergerakan.

Semua staf akademik UiTM adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

3.1 Pelaksanaan Penyampaian Dan Penilaian Pembelajaran

- a. Semua sesi penyampaian dan pembelajaran perlu dijalankan **secara dalam talian dan/atau secara jarak jauh (*distance learning*) sepanjang sesi II 2019/2020 bermula 12 April 2020.**
 - i. Pensyarah perlu memilih teknologi yang sesuai untuk menyokong pembelajaran yang berlaku dalam talian dan/atau secara jarak jauh (*distance learning*).
 - ii. Pensyarah disaran untuk menggunakan teknologi mudah sebagai permulaan dan memastikan semua pelajar boleh melibatkan diri dalam sesi pembelajaran.
 - iii. Pensyarah tidak semestinya mengadakan sesi segerak berasaskan video (*video based synchronous session*) atau mana-mana sesi berbantu teknologi yang memerlukan keupayaan internet yang tinggi.
 - iv. Semua sesi makmal/ bengkel/ studio/ lapangan/ padang/ dapur/ seminar diteruskan hanya jika ia boleh dijalankan secara dalam talian. Sekiranya tidak, pelajar dinasihatkan untuk mengugurkan subjek ini bagi semester ini dan dibawa ke semester hadapan atau pelajar diberi pilihan untuk carry forward markah kerja kursus subjek berkenaan ke semester akan datang.

(Sila rujuk Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 1 Tahun 2020 berkaitan dengan Pelaksanaan Penyampaian dan Penilaian Pembelajaran berikutan penularan wabak COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan).

- b. Semua program latihan praktik/ *internship* pelajar **DITANGGUHKAN** kecuali bagi mereka yang dibenarkan bekerja dari rumah (Work from home) oleh majikan masing-masing. Persetujuan dari pihak Fakulti dan Majikan melalui mod ini perlu diperoleh.
- c. Pensyarah perlu menyediakan bahan dalam bentuk digital (pdf, ppt, MOOC dan seumpamanya) dan memuat naik bahan-bahan tersebut ke platform dalam talian atau memajukannya kepada pelajar melalui kaedah komunikasi yang mudah (E-mel, WhatsApp, telegram dan yang seumpamanya).
- d. Semua penilaian pembelajaran (termasuk peperiksaan akhir) perlu dijalankan **secara dalam talian dan/atau secara jarak jauh**.
- e. Sebagai langkah penyesuaian penilaian pembelajaran dengan kaedah penyampaian dan pindaan kalendar akademik Sesi II 2019/2020, fakulti dan kampus dibenarkan untuk membuat perubahan parameter penilaian kursus dengan syarat diminitkan di mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti/Negeri (JAF/JAN) dan tidak bercanggah dengan keperluan Standard Program dan Badan Profesional. Ini termasuk menggantikan peperiksaan akhir yang diadakan serentak dan setempat (on-site) semasa minggu peperiksaan kepada ujian standard yang dijalankan di

fakulti dan kampus. (Sila rujuk Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Bilangan 1 Tahun 2020).

f. Untuk memastikan pencapaian hasil pembelajaran tidak terjejas, Pensyarah Sumber (*Resource Person*) perlu membuat semakan agar tempoh, bilangan dan bentuk pentaksiran adalah sejajar dengan hasil pembelajaran yang dijangka.

3.2 UiTM mengambil berat hal ehwal pengajaran dan pembelajaran serta kebajikan pelajar. Justeru itu, mohon kerjasama dan sokongan daripada semua pihak untuk mematuhi pekeliling ini dan arahan KKM.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 25 Mac 2020.


5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 25 Mac 2020.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf akademik Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.

6.2 Pekeliling ini terpakai sepanjang **sesi II 2019/2020** dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 08